

MAHATHIR-SIDANG 'Q'Q'Q  
(EMBARGO : UNTUK SIARAN PUKUL 2000 HARI INI)  
(I) DARI OSMAN TAIB

1783

NEW DELHI, 8 MAC. (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENSIFATKAN PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI SEBAGAI JENTERA MENCAPAI KEAMANAN DAN KESTABILAN DAN MENYERUNYA MELAKSANAKAN CITA-CITANYA MENERUSI TINDAKAN BERKESAN BAGI MEMBEBASAKAN CITA-CITANYA MENERUSI TINDAKAN BERKESAN BAGI MEMBEBASAKAN DUNIA DARIPADA PENGUASA YANG KUAT KE ATAS YANG LEMAH DALAM SEMUA BIDANG.

TINDAKAN SEPERTI INI MENJADI BERTAMBAH PENTING LAGI SEKARANG KERANA MEMANDANGKAN KUASA-KUASA BESAR TERLIBAT DALAM PERCATURAN UNTUK MENGIMBANGI TINDAKAN KEGANASAN, KATA PERDANA MENTERI DALAM UCAPAN SULUNGNYA DI SIDANG KEMUNCAK KETUJUH BAGI PERGERAKAN TERSEBUT DI SINI HARI INI.

BELIAU MENYATAKAN SETENGAH-SETENGAH NEGARA TELAH PUN DIJADIKAN PENTAS PEPERANGAN BAGI MELAKSANAKAN UJIAN SISTEM SENJATA YANG MEMBAWA MAUT, YANG BERTAMBAH JUMLAHNYA.

+TANPA PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI, BANYAK LAGI DI ANTARA KITA AKAN BERTEMPURAN SATU SAMA LAIN SEBAGAI BAHAN CATURAN ATAU WAKIL KUASA-KUASA YANG TERLIBAT,+ KATANYA. -- LAGI 1526/OM  
MAHATHIR - SIDANG 2 NEW DELHI (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU NEGARA-NEGARA ANGGOTA SUPAYA MENOLONG MENGEKALKAN PERGERAKAN TERSEBUT DAN MENJUNJUNGI CITA-CITA DAN PRINSIP-PRINSIPNYA, KHUSUSNYA PRINSIP TIDAK MENCAMPURI DAN MENGANGGUI URUSAN DALAM NEGARA MASING-MASING.

PRINSIP-PRINSIP LAIN YANG DISEBUTKAN OLEH PERDANA MENTERI DALAM +MENGHORMATI KEDAULATAN, KEUTUHAN WILAYAH DAN KEMERDEKAAN NEGARA-NEGARA+, +HIDUP BERSAMA SECARA AMAN+ DAN +TIDAK MENGGUNAKAN KEKERASAN BAGI MENYELESAIKAN PERTIKAIAN YANG\*WUJUD DI ANTARA NEGARA-NEGARA+.

BELIAU BERKATA PEMATUHAN DAN PENGHORMATAN PRINSIP-PRINSIP TERSEBUT BAGI HUBUNGAN ANTARABANGSA ADALAH SANGAT PENTING BAGI MENGEKALKAN KEAMANAN DAN KESETABILAN DUNIA, PEMUPUKAN KERJASAMA YANG LEBIH BESAR, KEPADUAN DAN AMANAH DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA DAN BAGI KEWIBAWAAN PERGERAKAN TERSEBUT KESELURUHANNYA.

+PENDUDUK DAN PENODAAAN BEBERAPA BUAH NEGARA YANG DAPAT KITA SAKSIKAN SEKARANG, TERUTAMANYA ADALAH BERPUNCA DARIPADA SIKAP TIDAK MENGENDAHKAN SECARA MENJOLOK MATA, MALAH TIDAK LANGSUNG MENGHORMATI PRINSIP-PRINSIP PENTING INI YANG DIDAKWA OLEH SETIAP ORANG HARUS DIPUPUK DAN DIBAJAI,+ KATANYA. -- LAGI 1531/OM

MAHATHIR - SIDANG 3 NEW DELHI (EMBARGO)

BELIAU MENYEBUTKAN PENDUDUKAN KAMPUCHEA, AFGHANISTAN DAN LUBNAN OLEH KUASA-KUASA ASING SEBAGAI SEGELINTIR CONTOH PERLAKUAN KEGANASAN YANG MENJOLOK MATA DAN KATANYA BENAR-BENAR TELAH MENODAI DAN MENCERAI NILAI-NILAI DAN PRINSIP-PRINSIP YANG MENUNJANG PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI SEJAK AWAL-AWAL PENUBUHANNYA DULU LAGI.

NEGARA-NEGARA BERKECUALI, YANG PATUH KEPADA CITA-CITA DAN PRINSIP-PRINSIP TERSEBUT, TIDAK DAPAT MENERIMA, APATAH LAGI MEMBENARKAN TINDAKAN-TINDAKAN YANG BERMAHARAJELA SEPERTI ITU.

+SAMA ADA KITA BERSAHABAT ATAUPUN TIDAK DENGAN NEGARA-NEGARA YANG TIDAK BERPRINSIP INI, KITA MESTILAH MENGUTUKINYA KERANA TINDAKAN-TINDAKAN JAHAT MEREKA ITU DAN KITA MESTILAH MELAKUKAN APA SAHAJA YANG TERDAYA BAGI MENGHAPUSKANNYA,+ KATANYA.

+SEMENTARA KEGANASAN BUKANLAH MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA PEGANGAN KITA, TETAPI MASIH ADA SENJATA LAIN YANG BOLEH MENJAHANAMKAN KITA.+ -- LAGI 1535/0M

MAHATHIR - SIDANG 4 NEW DELHI (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN PERLUNYA NEGARA-NEGARA BERKECUALI SUPAYA LEBIH BERWASPADA DAN MEMPUNYAI PANDANGAN DAN PEMIKIRAN SENDIRI TERHADAP PELBAGAI TEKANAN LUAR YANG SEDANG DIHADAPINYA.

BELIAU BERKATA DALAM USAHA HENDAK MENGUKUHKAN PERGERAKAN DI SAMPING MEMULIHKAN KEWIBAWAAN, KESATUAN DAN KEPADUANNYA, NEGARA-NEGARA ANGGOTA TIDAK ADA PILIHAN LAIN KECEUALI MEMATUHI CITA-CITA DAN PRINSIP-PRINSIP PERGERAKAN TERSEBUT.

+PILIHAN YANG TERBUKA KEPADA KITA ADALAH JELAS,+ TEGASNYA.

+SAMA ADA KITA MENGEKALKAN KEMERDEKAAN YANG TULIN DAN BERUSAHA KE ARAH PENGUKUHAN PERGERAKAN ATAUPUN MENJALANKAN PERANAN YANG DIPERINTAH OLEH KUASA-KUASA UTAMA YANG AKAN MEMISAH-MISAHKAN KITA DAN SETERUSNYA MENGEJAK-MENGEJAK CITA-CITA DAN PRINSIP - PRINSIP TEMPAT PERGERAKAN KITA BERPIJAK,+ KATANYA. -- BERNAMA 1539/0M